

AKTIVITI 9

Baca teks di bawah dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan yang berikut dengan ayat yang lengkap.

Murid Tingkatan 1 Sekolah Menengah Tunas Murni berkumpul di padang untuk mempelajari permainan tradisional seperti congkak, gasing, dan galah panjang bersama-sama dengan Cikgu Andrita.

Nadia dan Kalyani bermain congkak manakala murid-murid lelaki bermain galah panjang dan gasing. Cikgu Andrita mengingatkan murid-muridnya supaya memelihara permainan tradisional yang merupakan warisan budaya kebangsaan.

Murid-murid berasa sangat gembira kerana dapat bermain permainan tradisional di samping mengeratkan hubungan sesama mereka.

1. Di manakah murid Tingkatan 1 Sekolah Menengah Tunas Murni mempelajari permainan tradisional?

(2 markah)

2. Dengan siapakah murid-murid tersebut mempelajari permainan tradisional?

(2 markah)

3. Apakah permainan yang dimainkan oleh Nadia dan Kalyani?

(2 markah)

4. Apakah pesanan Cikgu Andrita kepada murid-muridnya?

(2 markah)

5. Mengapakah murid-murid Tingkatan 1 Sekolah Menengah Tunas Murni berasa gembira?

(2 markah)

